



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN**

**KETUA PENGARAH**

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**PROGRAM PROMOSI BERSASAR  
(*TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE -TPS*)  
SIRI 1 (2024)- JOHOR**

**27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

**BERJAYA WATERFRONT HOTEL, JOHOR BAHRU**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara pengacara Majlis.

## **SALUTASI AKHIR DI ROSTRUM**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan rahmatnya serta dengan izin-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul bersama-sama hari ini dalam **PROGRAM PROMOSI BERSASAR (TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE -TPS) SIRI 1/2024** anjuran **Agensi Nuklear Malaysia** di **Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru**.
2. Pertama sekali, saya mewakili seluruh warga Nuklear Malaysia amat berbesar hati dan ber terima kasih atas kesudian hadirin semua untuk hadir ke program ini termasuk wakil dari Singapura dalam usaha kami mempromosikan aplikasi teknologi nuklear dan manfaatnya kepada masyarakat Malaysia umumnya dan khususnya hari ini untuk masyarakat di Negeri Johor mewakili Zon Selatan dan kawasan sekitarnya.

## **PROGRAM TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE (TPS)**

3. Untuk makluman semua, Program *Technology Preview & Showcase* (TPS) adalah program yang diadakan secara dwi tahunan sebelum ini oleh Bahagian Pengkomersilan Teknologi (BKT) dengan kerjasama beberapa bahagian di Nuklear Malaysia. Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk menemukan para penyelidik mahupun *inventor* di Agensi Nuklear Malaysia dengan pihak industri serta pemegang taruh bagi memperkenalkan perkhidmatan dan produk yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan teknologi yang terdapat di Agensi Nuklear Malaysia.
4. Berbezanya, bermula pada tahun lepas dan diteruskan pada tahun ini 2024, program ini akan diadakan secara bersiri di beberapa lokasi dan diberi nama Program Promosi Bersasar (*Technology Preview & Showcase – TPS*). Bagi merealisasikan tujuan TPS ini, Agensi Nuklear Malaysia menjalinkan kerjasama dengan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan serta organisasi yang berkaitan di Johor dan kawasan sekitarnya.
5. Bandaraya Johor Bahru telah dipilih menjadi lokasi pertama yang mewakili Zon Selatan. Dan akan diteruskan di Kedah bagi Zon Utara pada bulan Jun. Manakala Zon Tengah akan diadakan di Selangor pada bulan Oktober 2024. Untuk makluman hadirin sekalian, sebanyak 10 pembentangan dan 8 pameran dari semua Bahagian Penyelidikan dan Sokongan teknikal di Nuklear Malaysia di pameran di TPS Johor kali ini.

6. Sehubungan itu, sejajar dengan pelaksanaan TPS Siri 1 di Negeri Johor ini, ianya dapat juga membantu Nuklear Malaysia dalam menjayakan pelaksanaan promosi khidmat dan produk Nuklear Malaysia demi mempertingkatkan penggunaan teknologi nuklear secara aman yang sekaligus dapat mengoptimumkan tahap kesedaran awam, penerimaan masyarakat serta pembudayaan dan kemajuan teknologi nuklear.

## **TEKNOLOGI NUKLEAR UNTUK RAKYAT**

7. Semenjak penubuhannya, Nuklear Malaysia telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk memperkenalkan dan mempromosi sains dan teknologi nuklear kepada masyarakat, sekaligus menyemai minat dan menyedarkan orang awam akan kepentingan teknologi nuklear dalam kehidupan.
8. Nuklear Malaysia menggunakan aplikasi nuklear merentasi pelbagai bidang iaitu industri, perubatan, pertanian, keselamatan, alam sekitar dan pembuatan. Pelbagai R&D yang dilakukan bagi setiap kluster ini. Contohnya;

### i) Bidang pertanian

- R&D yang dijalankan : Teknologi isotop telah digunakan dalam bidang pertanian di Malaysia untuk menghasilkan tanaman atau varieti baru yang tahan kemarau dan tahan penyakit, mempunyai kualiti yang lebih tinggi, tumbuh dalam jangka masa yang lebih pendek dan mengeluarkan hasil yang lebih tinggi, sebagai contoh, tanaman padi. Varieti benih baru padi NMR 152 yang dihasilkan telah diperkenalkan kepada penanam padi di Malaysia. Untuk makluman, kawasan

penanaman padi di Sekinchan, Selangor telah dipilih sebagai tapak bagi pengeluaran benih padi tersebut.

Agensi Nuklear Malaysia juga terlibat dalam Corporate social responsibility (CSR) iaitu :-

i) Operasi (SAR) Pencarian Serta Pengesanan Mangsa Tanah Runtuh di Batang Kali, Selangor pada 20/12/2022.

ii) Pengesanan Paip Bocor, menggunakan Teknik Radar Penimbus Tanah (GPR) & Teknologi Penyurih di MRSM

9. Dikesempatan ini, saya bagi pihak Agensi Nuklear Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' KSU MOSTI kerana dapat hadir bersama-sama kita pada hari ini. Kehadiran KSU ini membuktikan komitmen dan sokongan yang berterusan daripada pihak kementerian bagi mengurus perdana teknologi nuklear. Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R).

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian.

10. Adalah diharapkan daripada program hari ini, ia dapat meningkatkan prestasi pengkomersialan Nuklear Malaysia dan memberi maklumat kepada para pelanggan berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan serta dapat membuka ruang kepada hadirin untuk mengenali dengan lebih dekat peranan dan sumbangan Nuklear Malaysia yang boleh diberikan kepada semua pemegang taruh.
  
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program ini secara langsung atau pun tidak langsung. Diharap program ini akan dapat memberi manfaat kepada kita semua. Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R).

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh**